



Kenali
Negara
Kitani

KNK

Negara Brunei Darussalam

**KOMPILASI
RENCANA
KNK 2013**

Terbitan:

Unit Penerbitan Melayu
Bahagian Penerbitan dan Seni Grafik
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Negara Brunei Darussalam

Cetakan Pertama 2018

Penyelaras:

Hajah Rosidah binti Haji Ismail

Taip Set/Kompilasi/Susunan:

Zawiyatun Ni'mah binti Mohamad Akir

Reka Letak/Kulit luar:

Syahi bin Haji Ludin

Penyemak:

Ramlah binti Md.Nor
Norhafilah binti Rosli

*N
o
v
e
m
b
e
r*

Di sebalik
'Jalan Haji Halus'
Mukim Kilanas

Oleh: Norliah Md. Zain
Foto: Muhammad Arif Morni

16 November 2013

MUKIM Kilanas merupakan salah sebuah mukim di Daerah Brunei dan Muara yang mengandungi 11 buah kampung di dalamnya iaitu Kampung Tanjung Bunut; Kampung Kilanas termasuk sebahagian Jalan Bebatik dan Kampung Jangsak (ditadbir oleh seorang Ketua Kampung); Kampung Madewa dan Kampung Telanai (ditadbir oleh seorang Ketua Kampung); Kampung Bunut Perpindahan; Kampung Tasek Meradun dan Kampung Bunut (ditadbir oleh seorang Ketua Kampung); Kampung Bengkurong, Kampung Sinarubai dan Kampung Burong Lepas (ditadbir oleh seorang Ketua Kampung). Mukim ini ditadbir oleh seorang Penghulu iaitu Awang Haji Abdullah bin Haji Halus dan mempunyai enam orang ketua kampung.

Mukim Kilanas tidak terkecuali dari menerima pelbagai kemudahan yang disediakan oleh kerajaan seperti air, elektrik, klinik dan masjid-masjid. Tidak lama lagi giliran Kampung Tanjung Bunut pula untuk memiliki sebuah masjidnya sendiri yang ketika ini rancak dalam pembinaan.



MAKAM Di Luba (Makam Sultan Husin Kamaluddin ibnu Sultan Mohammad Ali, Sultan Brunei Ke-16) yang terletak di Mukim Kilanas.

Mukim Kilanas turut mempunyai tempat bersejarah iaitu Makam Di Luba (Makam Sultan Husin Kamaluddin ibnu Sultan Mohammad Ali, Sultan Brunei Ke-16), yang terletak di kawasan Kampung Bunut Perpindahan.

Mukim Kilanas juga mempunyai beberapa produk yang dihasilkan oleh Ahli Biro Wanita di kampung-kampung yang terdapat di Mukim Kilanas. Antaranya membuat kuih-muih tradisional yang dijual di gerai-gerai, menghasilkan beberapa makanan beku (frozen food) yang ada sebahagiannya sudah sampai ke Kota Kinabalu dan membuat pakej perkahwinan.



PAPAN tanda menunjukkan arah Jalan Haji Halus yang mengambil sempena nama Allahyarham Haji Halus bin Abdul Samad (gambar kecil) iaitu Ketua Kampung Pertama Kampung Bunut Perpindahan (1952-1971). Allahyarham merupakan orang yang mula-mula mengasas Kampung Bunut Perpindahan dan penduduk pertama yang bersetuju untuk berpindah ke darat.

JALAN HAJI HALUS

Mungkin ramai generasi hari ini tidak mengetahui akan sejarah nama-nama jalan yang terdapat di Negara Brunei Darussalam. Mereka hanya mengetahui lokasi jalan-jalan tersebut tetapi tidak mengetahui akan cerita di sebalik nama-nama tersebut. Salah satu jalan yang terdapat di Kampung Bunut Perpindahan yang terletak di Mukim Kilanas ialah Jalan Haji Halus.

Menurut Penghulu Mukim Kilanas, Awang Haji Abdullah bin Haji Halus, 71, nama Jalan Haji Halus yang terdapat pada Kampung Bunut Perpindahan adalah sempena nama ayah beliau, Allahyarham Haji Halus bin Abdul Samad yang merupakan orang yang mula-mula mengasas Kampung Bunut Perpindahan. Allahyarham adalah penduduk yang pertama bersetuju untuk berpindah ke darat ketika itu yang mana rata-rata penduduk Kampong Ayer keberatan berbuat demikian.

Pada tahun 1952, ayah beliau yang merupakan Ketua Kampung Bendahara Lama, Kampong Ayer ketika itu telah berjaya membawa kira-kira 17 keluarga (walau bagaimanapun menurut Buku Sejarah Ringkas Kampung Bunut Perpindahan Sempena Jubli Emas (Rancangan Perpindahan Pertama) terdapat 26 keluarga) dari Kampung Bendahara Lama untuk berhijrah ke Kampung Bunut Perpindahan, iaitu kampung perpindahan yang mula-mula sekali di Negara Brunei Darussalam. Penghulu Mukim Kilanas ketika berhijrah itu telah pun berusia 10 tahun.



TERDIRINYA Stesen Minyak Kampung Bunut merupakan idea Allahyarham Haji Halus bin Abdul Samad

Menurut Penghulu Mukim Kilanas lagi, penduduk Kampung Bunut Perpindahan ketika itu telah diperuntukkan tanah seluas dua setengah ekar, dan ketika para penduduk mula-mula berpindah, mereka dibekalkan wang sebanyak \$60, beberapa binatang ternakan seperti sapi dan kambing serta benih pertanian. Para penduduk ketika itu memelihara haiwan ternakan secara kampung.

Ketika menetap di Kampung Bunut Perpindahan, Allahyarham Haji Halus bin Abdul Samad juga menjawat jawatan yang sama iaitu selaku Ketua Kampung di Bunut Perpindahan.

Menurut Penghulu Mukim Kilanas lagi, penamaan jalan tersebut dibuat sekitar tahun 1984 iaitu atas persetujuan penduduk kampung sebagai kenang-kenangan.

Selain menjadi pengasas kepada Kampung Bunut Perpindahan, jasa Allahyarham Haji Halus bin Abdul Samad yang nampak sehingga ke hari ini ialah pembinaan Stesen Minyak Kampung Bunut pada tahun 1963, yang ketika itu menjual Minyak Regular.

Dengan adanya idea Allahyarham itu, ia telah berjaya memberikan pekerjaan kepada penduduk Kampung Bunut Perpindahan pada ketika itu.



ROMBONGAN dari Jabatan Penerangan bersama Penghulu Mukim Kilanas, Awang Haji Abdullah bin Haji Halus (dua dari kanan).

Menurut buku Sejarah Ringkas Kampong Bunut Perpindahan Sempena Jubli Emas (Rancangan Perpindahan Pertama), Allahyarham Awang Haji Halus sendiri turut serta mendaki bukit Tasek Meradun dan dari Ulu Tasek Meradun boleh didapati sumber air. Atas keprihatinan kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, satu ampangan air telah dibina di atas bukit Tasek Meradun bagi menyalurkan air ke rumah-rumah penduduk Kampong Bunut Perpindahan. Selain itu, Allahyarham juga pernah dilantik menjadi Ahli Majlis Mesyuarat Negeri (wakil rakyat).

Inilah antara jasa Allahyarham yang sehingga kini dapat dilihat dan dinikmati oleh masyarakat sekitarnya. Kejayaan Allahyarham itu boleh diambil iktibar oleh para pemimpin akar umbi hari ini. Buktinya, walaupun jasa Allahyarham pada mulanya hanya tertumpu kepada penduduk Kampong Bunut Perpindahan ketika itu, tetapi ia telah dapat memberikan impak yang berpanjangan kepada generasi penduduk Kampong Bunut Perpindahan yang seterusnya.

Ini menunjukkan betapa Allahyarham mempunyai visi yang tersendiri dalam menentukan hala tuju penduduk kampungnya. Mudah-mudahan roh Allahyarham dicucuri rahmat. Al Faatihah.

Memupuk Semangat perpaduan, kerjasama

Oleh: Pg. Hajah Fatimah Pg. Haji Md. Noor
Foto: Muhammad Arif Morni

30 November 2013



KAMPUNG Tanjung Bunut, Mukim Kilanas turut mengalami kepesatan kemajuan seperti berdirinya bangunan-bangunan pusat membeli-belah yang menjadi tumpuan para pengunjung.

PERSEFAHAMAN merupakan satu usaha berterusan yang perlu dipikul dan dijunjung bersama-sama oleh semua pihak bagi memupuk dan membaja agar persefahaman terus subur dan mewangi dalam kehidupan masyarakat.

Salah satu bagi cara mewujudkan perpaduan dalam kalangan penduduk dan sekitarnya adalah dengan mengadakan aktiviti gotong-royong untuk bertemu dan mengenali antara satu sama lain. Di samping itu, aktiviti ini dapat memupuk semangat bekerjasama untuk membersihkan dan mengindahkan kawasan persekitaran kampung berkenaan.

Begitulah kata sepakat yang diambil oleh Majlis Perundingan Kampung (MPK) Tanjung Bunut, menurut Ketua Kampungnya, Awang Haji Apong bin Haji Putih semasa ditemu ramah di rumah kediamannya di Jalan Tanjung Bunut Kanan semasa Program Sua Muka (Personal Contact) anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri bersama ahli-ahli MPK yang ahli-ahlinya terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan dan bekas pegawai kerajaan yang berpencen.



SURAU yang kini berusia hampir 28 tahun dibina pada 21 Februari 1986 yang mana diadakan majlis musyawarah, muzakarah dan bagi penyebaran kuliah bagi penduduk-penduduk Kampung Tanjung Bunut.

Sebagai contoh, aktiviti gotong-royong yang dijalankan ialah membersihkan surau, kawasan tanah perkuburan, majlis korban sempena Hari Raya Aidiladha, sambutan Hari Raya Aidilfitri dan sebagainya. Dengan adanya aktiviti gotong-royong dapat meringankan serta memudahkan kerja ibarat peribahasa, yang berat sama dipikul, yang ringan sama dijinjing serta ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni. Bersama memajukan kampung, memelihara dan menjaga kesejahteraan penduduk-penduduk kampung akan mampu untuk memupuk kerjasama dan persefahaman dalam kalangan anak-anak buah kampung. Inilah yang diharapkan oleh ketua kampung berkenaan supaya golongan muda akan sama-sama menyertai sebarang aktiviti yang dianjurkan.

Seterusnya, aktiviti sukan yang dijalankan boleh mewujudkan persefahaman dan dijadikan tali penghubung. Dalam konteks ini, pelbagai aktiviti sukan seperti acara walkaton bagi penduduk-penduduk kampung berkenaan diadakan. Sebelum ini aktiviti tersebut tidak dapat dijalankan kerana kawasan kampung berkenaan sebelum tahun 2006, sering mengalami banjir. Alhamdulillah, banjir tidak lagi berlaku setelah pembinaan longkang konkrit besar dan bersistematik.



KETUA Kampung Tanjung Bunut, Awang Haji Apong bin Haji Putih (tengah) semasa Program Sua Muka (Personal Contact) anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri bersama Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung Tanjung Bunut dan pegawai-pegawai Jabatan Penerangan.

Kampung Tanjung Bunut terletak kira-kira 18 kilometer dari Bandar Seri Begawan adalah antara salah satu kampung daripada 11 buah yang terdapat di bawah Mukim Kilanas kini mempunyai kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti jalan raya yang menghubungkan jalan-jalan kecil dan pelbagai kemudahan yang disediakan oleh kerajaan seperti air, elektrik dan longkang. Tidak lama lagi giliran Kampung Tanjung Bunut pula akan memiliki sebuah masjidnya sendiri yang ketika ini masih dalam perancangan kerajaan.

Apa yang membanggakan di kampung berkenaan ialah mengalami kepesatan kemajuan seperti berdirinya bangunan-bangunan pusat membeli-belah, klinik dan sekolah swasta yang turut mengalami kesibukan apabila menjelang waktu menerima gaji bulanan yang turut menjejaskan kesibukan jalan raya.



PENGALIRAN air sungai yang tidak lancar yang masih menjadi isu penduduk kampung berkenaan.

Bagi mengadakan majlis musyawarah dan muzakarah, penyebaran kuliah, aktiviti agama, kelas Al-Qur'an dan Muqaddam, para penduduk kampung ini mempunyai sebuah surau yang dibina pada 21 Februari 1986 di atas tapak tanah seluas 1.27 ekar dan siap pada 19 Ogos 1986 dengan jumlah perbelanjaan lebih kurang BND75,649.84. Surau ini adalah hasil kutipan derma orang ramai.

Surau yang telah dibuka rasmi oleh Kadi Besar Negara Brunei Darussalam, Yang Berhormat Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal pada 19 April 1987 (ketika itu). Kapasiti surau ini boleh menampung seramai 400 orang jemaah. Disebabkan bilangan penduduk dan jemaah semakin bertambah, bangunan surau diperbesarkan pada bulan Januari 1997 dan siap tiga bulan kemudiannya dengan perbelanjaan sebanyak BND23,072.75.

Sempena Sambutan Jubli Perak surau kampung berkenaan pada 30 Mei lalu, Ahli Jawatankuasa Takmir surau tersebut mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil serta Doa Kesyukuran, mengadakan Peraduan Azan dan Menghafaz Ayat-Ayat Lazim dan juga Peraduan Membaca Khutbah bagi peserta dewasa yang bertujuan untuk mencungkil bakat para jemaah dalam penguasaan bacaan Jawi dan seterusnya menimba pengalaman sebenar sebagai seorang pembaca khutbah di atas mimbar semasa Sembahyang Fardu Jumaat.

Pertandingan Azan dan Hafazan Surah-Surah itu bertujuan meningkatkan prestasi dan keupayaan pelajar-pelajar dalam menguasai sebutan (Makhraj al huruf), tajwid, fasahah dan alunan suara sebagai usaha untuk mendidik dan mendorong mereka menjadi pelajar yang cemerlang pada masa hadapan.

Bagi kaum wanita aktif dalam perniagaan bunga-bunga hidup yang boleh didapati di Pasar Gadong kerana tempat kekal untuk menempatkan penduduk berniaga belum lagi dibina. Di samping terdapat sebuah wasai dinamakan Wasai Selangan Kaca yang masih belum diterokai dan dimajukan.

Bagi warga emas juga turut menyembahkan junjung kasih ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di atas pengurniaan Gaji Tua.

Mudah-mudahan penduduk- penduduk Kampung Tanjong Bunut akan memelihara dan menjaga kesejahteraan dalam memupuk kerjasama dan persefahaman dalam kalangan anak-anak buah kampung seperti yang diharapkan oleh ketua kampung berkenaan.

*D
i
s
e
m
b
e
r*

Keindahan ‘Wasai’ Kampung Kilanas berpotensi dimajukan

Oleh: Abdullah Asgar
Foto: Muhammad Arif Morni

14 Disember 2013

KAMPUNG Kilanas berpotensi menjadi tarikan pelancong dari dalam dan luar negeri dengan adanya beberapa wasai atau air terjun yang sudah wujud sekian lama di kampung itu, namun kini masih belum dapat dimajukan di sebalik usaha telah dijalankan beberapa tahun yang lalu.

Dalam tinjauan wakil PELITA BRUNEI bersama Awang Haji Mohd. Rais bin Sabtu ketika Program Sua Muka Jabatan Penerangan dengan Majlis Perundingan Mukim Kampung Kilanas antara lain menjelaskan, wasai-wasai yang terdapat di kampung itu ialah Wasai Terjun Rendah dan Wasai Terjun Tinggi yang mempunyai pemandangan panorama yang cantik jika suatu hari nanti dapat dimajukan sebagai tempat berkelah atau beriadah kerana lokasinya yang amat menarik terletak di kawasan bukit.



WASAI Terjun Tinggi yang terdapat di Kampung Kilanas.

Selain dua wasai tersebut, terdapat lagi sebuah wasai yang dikenali dengan Wasai Terjun Mampattan yang juga terletak di atas bukit juga mempunyai kawasan yang cantik dan luas dengan terdapat pemandangan yang indah tetapi sayang masih belum dimajukan.

Jika suatu hari nanti tiga wasai ini dapat dimajukan oleh agensi-agensi kerajaan dengan kerjasama Ahli-ahli Majlis Perundingan Kampung Kilanas setentunya akan dapat meningkatkan lagi perekonomian kampung selain Kampung Kilanas akan lebih terkenal dengan wasai-wasai yang indah dan cantik.

Satu lagi wasai yang berhampiran dengan tiga wasai tersebut ialah Wasai Dang Umai Mandi yang juga terletak di atas bukit yang mempunyai air yang dingin serta sesuai dijadikan tempat berkelah yang menarik dan tempat bermandi-manda jika sekiranya wasai ini pun dapat dimajukan bagi tujuan lokasi pelancongan.



WASAI Terjun Rendah.



SEBAHAGIAN dari keadaan Wasai Terjun Mampattan.



WASAI Terjun Menyusup.

Tidak jauh dari situ, terletaknya kawasan Tasek Labui yang sedikit di bawah bukit dan wasai ini juga memiliki pemandangan yang indah dan menarik kerana keadaan airnya yang sejuk amat sesuai jika dijadikan tempat kanak-kanak bermandi-manda memandangkan wasainya berbentuk kecil tetapi tetap menarik dijadikan kawasan tarikan pelancongan.

Satu lagi wasai yang juga terletak tidak jauh dari wasai-wasai ini ialah Wasai Terjun Menyusup, wasai ini juga telah dijumpai oleh penduduk sejak sekian lama.

Untuk sampai ke tempat tujuan dan menyaksikan keindahan wasai-wasai yang ada pengunjung dan pelawat terpaksa berjalan kaki kira-kira 15 minit untuk menuju jalan ke wasai tetapi bagi melawat semua wasai memerlukan lebih satu jam kerana jalan dan laluannya berbukit tetapi menyeronokkan.

Menurut penjelasan Haji Awang Mohd. Rais, beberapa tahun dulu Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jabatan Daerah Brunei dan Muara, Jabatan Tanah dan Jabatan Perancangan Bandar dan Desa telah melawat dan mengunjungi ke wasai-wasai tersebut sebagai langkah awal untuk melihat secara mendalam keadaan wasai-wasai dan kawasan sekitarnya.

Apa yang menarik sejauh ini, tambahnya, beberapa wasai tersebut telah digunakan oleh penduduk asing bagi menjalankan kegiatan sukan Hashing dan bersantai walaupun wasai yang ada belum dilengkapi dengan kemudahan asas seperti laluan yang khusus, pondok, pembuangan sampah dan tandas awam.

Akan tetapi peminat sukan Hashing terus saja menggunakan wasai-wasai itu sebagai lokasi perjumpaan atau laluan sukan berkenaan, ini petanda baik kerana jika ia dimajukan tidak syak lagi akan dapat menaikkan nama kampung dan Kampung Kilanas akan menjadi tarikan pelancong.



JALAN masuk menuju ke wasai-wasai.

Katanya, sedikit masalah ialah sebahagian kawasan wasai-wasai berkenaan terletak di atas tanah milik persendirian atau penduduk kampung. Oleh itu, usaha bagi memajukannya tergendala dan terhenti begitu saja.

Tambahnya, tahun lalu sebuah syarikat swasta telah melawat ke lokasi wasai-wasai berkenaan bagi melihat sendiri akan keindahannya sambil memikirkan usaha yang dapat dijalankan bagi memajukan kawasan berkenaan.

Akan tetapi, sebahagian kawasan wasai adalah milik persendirian, maka usaha tertinggal begitu saja walaupun beberapa rundingan telah dijalankan bersama pemilik tanah, tetapi masih belum mencapai sebarang kemajuan.

Seandainya semua pihak mencapai kata sepakat wasai-wasai yang ada boleh dijadikan tarikan pelancong dari dalam dan luar negeri selain dapat meningkatkan perekonomian penduduk kampung dan Kampung Kilanas akan lebih maju dan terkenal hingga ke luar negara.

Selain mempunyai wasai-wasai yang boleh dijadikan tarikan pelancong, Kampung Kilanas juga sebuah kampung yang aktif dalam banyak hal antaranya giat menjayakan acara berkebajikan, keagamaan dan sukan melalui Majlis Perundingan Kampung (MPK).

Kampung Kilanas juga berhasrat agar suatu hari nanti kampung itu dapat mencapai visi Satu Kampung Satu Produk, yang mana MPK berharap benar pihak-pihak yang berkenaan dapat duduk semeja untuk mencari jalan dalam menyelesaikan masalah kawasan wasai-wasai itu yang terletak pada tanah persendirian dan penduduk kampung.

Awang Haji Mohd. Rais bin Sabtu, selaku Ketua Kampung telah menerajui kampung itu sejak beberapa tahun lalu. Kampung Kilanas mempunyai keluasan lebih kurang 1,093.69 hektar di bawah Mukim Kilanas dengan keluasan mukim 3,265.57 hektar.

PRASARANA

Kampung Kilanas dihuni oleh 3,261 penduduk lelaki, 2,716 wanita dan terdapat 483 warga emas mendiami di kampung itu dengan mempunyai 1.698 bilangan kelamin. Kampung ini mempunyai 1,944 buah rumah yang mudah dihubungi dengan jalan beraspal.

Seperti kampung-kampung lain di negara ini, Kampung Kilanas juga mempunyai kemudahan asas dan prasarana lain yang disediakan oleh kerajaan melalui beberapa kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan antaranya masjid, sekolah menengah dan rendah. Walau bagaimanapun kampung ini masih belum memiliki klinik kesihatan.

Nikmati Keindahan Wasai Daerah Belait

Rencana dan Foto: Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli

16 Disember 2013

KEINDAHAN alam ciptaan Allah Subhanahu Wata'ala memang tiada tolok bandingnya dan keindahan itulah yang sering dipuja saban hari. Sebenarnya Allah memberi peluang kepada umat manusia untuk menikmati alam ciptaanNya seterusnya dijaga serta memeliharanya dengan sebaik mungkin hingga ke generasi-generasi seterusnya selagi diizinkan Tuhan.

Namun setakat manakah kesedaran dan rasa tanggungjawab seperti yang diamanahkan kepada kita itu kita jaga dan pelihara? Berapa ramai pula yang menyedari bahawa alam yang terbentang luas ini sebenarnya dipinjamkan oleh Allah daripada generasi baru dan bukannya kita diwarisi daripada datuk nenek moyang kita? Justeru tiada kesedaran dan keinsafan itulah, hari ini alam yang menjadi milik sementara kita ini sedang berada dalam keadaan kesakitan yang teramat sangat lantaran sikap dan perlakuan manusia sendiri tidak pandai menghargai dan menjaga bumi kita. Lapisan ozon semakin hari semakin nipis, laungan agar kita menjaga dan memelihara alam sekitar dan bumi ini semakin sering kedengaran dan dilaungkan di mana-mana jua terutama oleh kuasa-kuasa utama dunia.

Apakah cukup sekadar cakap-cakap kosong' dari mereka sedangkan hakikatnya golongan itulah yang memusnahkan alam ini. Mereka mencipta kemajuan dengan memusnahkan keharmonian alam tanpa menjalankan inisiatif untuk membaik pulih kembali segala kerosakan yang telah berlaku.

Bagi kita di Negara Brunei Darussalam ini masih boleh berbangga dengan keadaan alam sekitar dan jumlah hutan yang masih luas, muka bumi kita masih diliputi hutan. Keadaan ini tidak seharusnya melalaikan kita daripada usaha memelihara dan menjaga hutan kita daripada terus dimusnahkan. Kesedaran dan pendidikan mengenai peri pentingnya hutan dan kehijauan alam untuk jangka hayat alam yang lebih panjang sewajarnya dipupuk dari alam kanak-kanak dan remaja lagi agar kesedaran tersebut terus berkembang bersama perkembangan jiwa dan fizikal mereka.

Selain daripada kanak-kanak, golongan remaja dan belia merupakan kelompok masyarakat tepat untuk diserapkan nilai-nilai kecintaan terhadap alam sekitar.

Sehubungan itu, Jabatan Belia dan Sukan (JBS) Cawangan Daerah melalui Unit Perkembangan Belia telah menganjurkan projek 'Aktiviti Hujung Minggu' (Jejak Wasai) dengan menjelajah dua kawasan Air Terjun (Wasai) di Kampong Teraja, Mukim Labi iaitu Wasai Teraja dan Wasai Beluluk bagi mengisi masa lapang para belia dengan pengisian program-program yang menjurus kepada pembangunan insan yang aktif.

Kawasan Mukim Labi terutama Kampung Teraja mempunyai keindahan alam semula jadi yang dihiasi dengan flora dan fauna serta kawasan hutan yang terpelihara dan kini telah diiktiraf sebagai kawasan Nadi Borneo. Ia merupakan aspirasi kerajaan yang menginginkan kawasan hutan tersebut tidak diterokai atau dibangunkan oleh mana-mana pihak melainkan terus mendapat cadangan holistik bagi perlindungan ke arah pemuliharaan kepelbagaian biologi hutan tropika sebagai destinasi pelancongan negara yang banyak menyimpan seribu keindahan flora dan fauna terutama keindahan wasai yang terdapat di kawasan kampung berkenaan.



LELAH... Para peserta berehat sebelum memulakan aktiviti membersihkan kawasan air terjun.

Projek anjuran JBS mula-mula menyelusur Wasai Teraja. Sebelum aktiviti dimulakan para peserta terlebih dahulu mendengar taklimat serta penerangan mengenai keselamatan diri mereka dan seterusnya mereka dibahagikan kepada lima kumpulan untuk memulakan perjalanan kaki menuju ke Wasai Teraja bagi membersihkan kawasan air terjun di tempat tersebut sebagai khidmat komuniti mereka.

Untuk sampai ke Wasai Teraja banyak cabaran harus dihadapi seperti merentasi beberapa batang anak sungai namun semua itu tidak mematahkan semangat peserta rombongan yang terdiri daripada belia-belia dari kalangan ahli-ahli persatuan belia, badan-badan kebajikan, penuntut-penuntut sekolah menengah kerajaan dan bukan kerajaan serta yang bekerja atau yang belajar di Daerah Belait dengan dibantu oleh beberapa ahli jawatankuasa badan Sukarelawan Belia Kebangsaan (SBK) Daerah Belait.



PARA belia meredah hutan berjalan kaki untuk menuju ke Wasai Teraja.

Kawasan di Wasai Teraja meskipun tidak berapa besar tetapi sangat indah dengan air terjun yang begitu deras dan sentuhan airnya yang sejuk serta dihiasi dengan berbagai jenis anggrek hutan yang tumbuh di kawasan sekitarnya.

Program bertujuan bagi mempertengahan serta memperkenalkan wasai-wasai yang terdapat di Daerah Belait amnya dan di Mukim Labi khususnya sebagai tempat beriadah kepada generasi muda terutama para belia.

Pada hari yang berasingan pihak Jabatan Belia dan Sukan (JBS), Cawangan Daerah Belait menjelajah pula ke Wasai Beluluk dan pada program kali ini melibatkan penuntut-penuntut sekolah menengah, sukarelawan belia dengan didampingi ahli jawatankuasa JBS yang dihasratkan untuk mengisi masa lapang para belia dengan pengisian program-program yang menjurus kepada pembangunan insan yang aktif.

Wasai Beluluk merupakan antara tempat yang menarik dengan air terjun yang tinggi namun untuk sampai ke wasai tersebut menempoh perjalanan yang sukar kerana disekelilingnya ditumbuhi dengan hutan tebal dan batang-batang pohon besar yang tumbang terbiar tidak terurus.

Jarak perjalanan menuju ke wasai tersebut memakan masa lebih kurang satu jam dari Rumah Panjang Teraja. Sebelum memulakan aktiviti para peserta terlebih dahulu mendengar taklimat serta penerangan mengenai keselamatan peserta dan setelah itu mereka dibahagikan kepada beberapa kumpulan.

Pengisian program termasuk pembangunan berpasukan dengan berjalan kaki secara berkumpulan, khidmat komuniti seperti membersihkan kawasan wasai, sukan dan riadah dan mengenali spesis tumbuh-tumbuhan yang terdapat di kawasan sekitar bagi mengetengahkan serta memperkenalkan wasai yang terdapat di Daerah Belait amnya dan di Mukim Labi khususnya sebagai tempat beriadah kepada generasi muda terutama para belia disamping mempromosikan serta menarik lebih ramai lagi pelancong-pelancong dalam dan luar negeri berkunjung ke wasai yang terdapat keindahan flora dan fauna yang hidup semulajadi, lebih-lebih lagi di musim cuti penggal persekolahan dan cuti di hujung minggu.



WASAI Beluluk mempunyai daya tarikan tersendiri begitu redup mata memandang kebesaran Ilahi.



PESERTA belia menikmati keindahan kawasan Wasai Beluluk yang masih terpelihara.

Melalui program seumpama ini, kita akan mendapat banyak manfaat dan membuka mata bahawa di negara kita, Brunei Darussalam ini juga banyak terdapat kawasan-kawasan yang menarik yang belum diketahui dan diterokai yang boleh dipromosikan sebagai kawasan riadah dan destinasi pelancongan melalui promosi Kenali Negara Kitani (KNK).

Para peserta belia yang telah mengikuti kedua-dua program ini menyedari bahawa tanggungjawab memelihara alam sekitar adalah tanggungjawab bersama dan bukan terletak pada bahu pihak-pihak tertentu sahaja disamping membina semangat berpasukan.



Enam arca menyerikan Taman Persiaran Damuan

Oleh: Norliah Md. Zain
Foto: Muhammad Arif Morni

28 Disember 2013



DARI Taman Rekreasi Persiaran Damuan kita dapat melihat pemandangan Istana Nurul Iman.

TAMAN Persiaran Damuan dibina pada tahun 1986 dan terletak di km 4, Jalan Tutong berhampiran kawasan Istana Nurul Iman. Pada masa dahulu, kawasan ini merupakan tempat pemunggahan dan penurunan barang-barang keperluan yang diperdagangkan pengalu, padian, dengan mereka yang tinggal di kawasan darat dan tempat kemudahan penurunan perahu.

Menurut Ketua Kampung Madewa/Telanai, Awang Haji Ibrahim bin Haji Mohd. Salleh ketika ditemui semasa program Sua Muka anjuran Jabatan Penerangan menjelaskan, Taman Persiaran Damuan terletak di kawasan Kampung Telanai yang mana kampung ini merupakan kawasan tadahan beliau.



ROMBONGAN dari Jabatan Penerangan ketika program Sua Muka bersama Ketua Kampung Madewa/Telanai, Awang Haji Ibrahim bin Haji Mohd. Salleh.



PENJELMAAN Kubah oleh Latif Mohiddin.

Pada masa ini kawasan ini dijadikan tempat riadah, trek jogging dan juga turut dilengkapi dengan pelbagai kemudahan, seperti kawasan permainan kanak-kanak dan tempat letak kereta.

Apa yang menarik, taman ini juga menempatkan Taman Arca ASEAN (ASEAN Square) yang dibina pada tahun 1987. Di kawasan Taman Arca ASEAN ini terdapat enam buah arca (di bawah projek Jawatankuasa Kebudayaan dan Penerangan ASEAN-COCI) pelbagai bentuk, dihasilkan oleh enam orang seniman seni khat dan seni ukir dari enam buah negara ASEAN bertemakan 'Harmoni Dalam Kepelbagaian'. Enam negara yang dimaksudkan ialah Negara Brunei Darussalam, Malaysia, Republik Indonesia, Republik Singapura, Thailand dan Republik Filipina. Setiap arca mempunyai perlambangan tersendiri mengenai keamanan, kebebasan dan perasaan menghormati antara satu dengan lain.



GAMBARAN Bersatu oleh Michael Ong Chu Keng.



SALAH satu dari enam arca yang terdapat di Taman Rekreasi Persiaran Damuan iaitu Dunia ASEAN oleh Awang Haji Marsidi bin Haji Akip.



***PERGERAKAN** oleh Saravudth Duangjumpa.*



***KEUNGGULAN** Brunei oleh Eduardo Castrillo.*



Enam arca itu ialah Dunia ASEAN oleh Awang Haji Marsidi bin Haji Akip; Matlamat ASEAN oleh Husna; Penjelmaan Kubah oleh Latif Mohiddin; Keunggulan Brunei oleh Eduardo Castrillo; Gambaran Bersatu oleh Michael Ong Chu Keng dan Pergerakan oleh Saravudth Duangjumba.

Taman Arca ini dirasmikan pada Disember 1987 oleh Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka Haji Awang Hussein bin Pehin Orang Kaya Digadong Seri Diraja Dato Laila Utama Haji Awang Mohammad Yusof yang ketika itu merupakan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

MATLAMAT ASEAN oleh Husna.